

**NO. SOALAN: 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7587**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan siasatan kes jenayah tembak pada tahun 2015 yang berlaku di Kelantan. Apakah Kerajaan menyedari bahawa penyalahgunaan senjata api haram ini sangat berkaitan dengan gejala rasuah dan juga berkait rapat dengan aktiviti pengedaran dadah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi tahun 2015 (Januari - Februari), terdapat 3 kes tembakan oleh penjenayah di negeri Kelantan. Kes-kes yang dilaporkan adalah seperti berikut:-**

**i) Bachok Repot 574 /15**

**Kes ini berlaku pada 5 Februari di Kedai Hardware Ultra Ungu Trading, Bachok, Kelantan. Dalam kejadian ini tiga orang penjenayah yang bersenjatakan 2 pucuk pistol telah menembak mati tuan punya kedai dan mencederakan anak perempuan si mati semasa melakukan samun ke atas kedai hardware tersebut. Hasil siasatan, seorang suspek telah dikenalpasti dan usaha sedang dijalankan untuk mengesan dan menangkap suspek ini.**

**ii) Kota Bahru Repot 6660/2015**

**Kes ini berlaku pada 9 Februari 2015 di Restoran Hayaki Jalan Kebun Sultan Off Sri Cemerlang, Kota Bahru, Kelantan. Dalam kejadian ini, 2 kumpulan lelaki Melayu telah bertengkar dipercayai berkaitan dengan hal perebutan**

teman wanita dan di mana salah seorang telah mengeluarkan pistol dan melepaskan tembakan ke arah kereta kumpulan lawan. Tiada sesiapa dicederakan. Hasil maklumat, 13 orang suspek termasuk 2 orang perempuan telah ditangkap untuk siasatan. Hasil siasatan pada 24 Februari 2015, seorang telah ditangkap dan dituduh atas kesalahan memiliki senjata api di bawah Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) dan 10 orang termasuk tangkapan tersebut di atas telah dituduh di atas kesalahan Gaduh Gempar di bawah Seksyen 160 Kanun Keseksaan. Manakala 2 orang perempuan dan seorang lelaki telah dibebaskan.

iii) **Bukit Panau Rpt. 794/2015**

Kes ini berlaku pada 25 Februari 2015 di sebuah rumah tanpa nombor di Kampung Alor Bembam, Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan. Dalam kejadian ini, semasa tuan rumah bersama isterinya berada di hadapan rumah, mereka telah didatangi 4 orang lelaki Melayu yang dikenali dalam sebuah kereta. Pertengkaran telah berlaku antara 4 orang lelaki Melayu itu dengan tuan rumah dan di mana salah seorang dari kumpulan itu telah melepaskan satu das tembakan. Tuan rumah berjaya melarikan diri. Semasa polis sampai, hasil maklumat orang awam mendapati isteri tuan rumah dan anak saudaranya masih berada di tempat

**kejadian. Hasil pemeriksaan, pihak polis telah menjumpai dadah (pil kuda) milik kedua-dua mereka. Setakat ini tuan rumah telah menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan untuk membantu siasatan. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk mengesan dan menangkap 4 orang lelaki Melayu yang terlibat dalam kejadian ini. Kejadian ini dipercayai bermotifkan hutang dadah antara kawan tuan rumah dan 4 orang lelaki Melayu itu.**

**Kementerian Dalam Negeri tidak menafikan bahawa penggunaan senjata api haram ini berkait rapat dengan sindiket pengedaran dadah dan kumpulan gangster. Usaha yang berterusan sentiasa diambil bagi mengekang penggunaan senjata api haram ini. Dakwaan yang menyatakan penggunaan senjata api haram ini berkait dengan aktiviti rasuah di kalangan pihak penguatkuasa akan diberi perhatian yang serius. Orang awam yang mempunyai maklumat tentang penyalahgunaan kuasa dan rasuah diseru tampil untuk menyalurkan maklumat kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) supaya siasatan yang terperinci dapat dilaksanakan, bukan sekadar membuat persepsi dan andaian semata-mata.**